

# Era baru hubungan Malaysia, Guinea

BH- 14/12/2006

## Sektor pertanian mampu jadi pemangkin kepada kerjasama lebih erat

Oleh Jamhariah Jaafar

**W**ALAU PUN beberapa kerjasama sebelum ini menemui kegagalan, Republik Guinea masih menaruh harapan bahawa Malaysia boleh menjadi rakan terbaik untuk membantu negara Afrika Barat itu menikmati pembangunan dan kemajuan yang diharapkan.

Duta Guinea ke Malaysia, Mohamed Sampil, ketika ditemui baru-baru ini berkata: "Kita menjalin hubungan dengan Malaysia sejak 1996 lagi dan banyak pelaburan dari negara ini mengalir ke sana. Presiden saya sendiri, Lansana Conte, ketika mula menjalin hubungan dengan Malaysia berharap Malaysia boleh menjadi 'co-pilot' untuk membantu Guinea dalam pembangunan ekonomi.

"Namun, beberapa pelaburan yang dibuat pada peringkat awal, gagal di tengah jalan. Kami juga bertanya soalan yang sama seperti anda, apa yang berlaku? Tetapi itu adalah cerita lama, kini kita perlu membuka lembaran baru kerana negara saya sudah sedia mengadakan hubungan yang lebih serius, bukan lagi sekadar menandatangani memorandum persefahaman (MoU) saja."

Perkara paling menarik mengenai negara dunia ketiga ini ialah sandaran kepada Malaysia untuk membawa mereka keluar daripada belenggu kemiskinan, sedangkan negara ini mempunyai sumber hampir sama dengan Malaysia. Sebagai sebuah negara yang pernah dijajah Perancis dan dalam perjalanan untuk mencari kemajuan diri, Guinea menjanjikan peluang pelaburan yang begitu banyak terutama kepada ahli perniagaan negara ini.

Itu yang difikirkan ketika berada di sana pada 1996, namun hakikatnya pelbagai isu mungkin melanda, kemelut yang mungkin tidak boleh dileraikan menyaksikan beberapa projek terutama membabitkan pembangunan telekomunikasi yang diuruskan Telekom Malaysia, terpaksa menutup operasi di sana.

"Pengalaman dengan Telekom mengajar kami untuk lebih berhati-hati, masih banyak lagi stok barang syarikat itu berada di negara kami. Tetapi itu cerita lama, kerana ada syarikat lain seperti Bernas Poultry dan International Commercial Bank (ICB) masih terus beroperasi dan kini menjadi antara syarikat disegani di sana," katanya.

Guinea atau nama rasminya Republik Guinea, terletak di Afrika Barat dan sebelum ini dikenali sebagai 'French Guinea' kerana menjadi jajahan Perancis. Ia bersempadan dengan Guinea-Bissau dan Senegal di utara, Mali di sebelah barat daya dan Ivory Coast di tenggara, Liberia di selatan dan Sierra Leone di barat.

Negara ini mencapai kemerdekaan pada 1958 dan majoriti rakyatnya beragama Islam. Pada peringkat awal diperintah Ahmed Sekou, yang memperkenalkan dasar ekonomi sosialis. Selepas kematiannya pada 1984, Lansana Conte mengubah dasar kuku besi itu dan mencarta kemajuan Guinea dengan membuka pintu kepada lebih banyak pelaburan asing.

Malaysia adalah rakan baru Guinea kerana menjalin hubungan diplomatik pada 1996 berbanding dengan Indonesia pada 1965. Bagaimanapun, Malaysia memainkan peranan begitu aktif sehingga beberapa pelaburan besar dan beberapa perjanjian persefahaman ditandatangani pada 1990-an.

Tetapi kegagalan beberapa syarikat meneruskan usaha sama yang dimeterai sedikit mencacatkan hubungan dua hala, namun Mohamed Sampil percaya sudah tiba masanya untuk kedua-dua negara bermula sekali lagi dengan platform yang lebih kukuh bagi kemajuan bersama pada masa depan.

"Kita akan bermula dengan lawatan Menteri Luar saya tidak lama lagi. Saya bercakap dengan Menteri Pertanian anda, yang juga percaya kerjasama terutama dalam pertanian boleh dipertingkatkan untuk kepentingan bersama. Ketika ini negara Afrika mengadakan banyak dialog dengan negara Asia. Dalam tempoh dua bulan terakhir ini kami mengadakan dialog dengan China, Korea dan Indonesia.

"Saya rasa sudah tiba masanya kita membuat perkara yang sama. Bukan sekadar dialog politik yang retorik, tapi dialog sebenar mengenai kerjasama dalam perdagangan, pendidikan, budaya, industri dan pertanian. Memang Guinea terbabit dengan Dialog Langkawi, tetapi tidak ada susulan dibuat untuk merealisasikan," katanya serius.

Antara industri yang menjadi perhatian Mohamed Sampil ialah kelapa sawit yang dipercayai berasal dari Guinea dan dibawa ke Malaysia selepas Perang Dunia Kedua.

Katanya, industri sawit yang menghasilkan pelbagai produk hiliran menjadi simbol kekayaan dan pembangunan Malaysia dan disebabkan ia berasal dari Guinea, sudah tiba masanya Malaysia membawa pengetahuan dan pengalaman yang ada untuk membantu negaranya dalam industri terbabit.

"Disebabkan kelapa sawit berasal dari

Guinea, sepatutnya apa-apa industri yang ingin diwujudkan antara kedua-dua negara ialah kelapa sawit. Saya akan pulang ke negara untuk berbincang dengan kerajaan saya dan melihat cara terbaik untuk menjayakan program ini.

"Saya akan mencadangkan kepada kerajaan dan kami akan menghasilkan satu pelan lengkap, sebelum membawa pelabur yang benar-benar ikhlas untuk melabur di Guinea. Anda mempunyai pengalaman dan pengetahuan dan anda juga memerlukan kawasan lebih luas untuk menanam kelapa sawit... jadi Guinea menawarkan semua ini kepada Malaysia," katanya.

Duta ini juga melihat penanaman padi boleh diperluaskan dengan lebih serius ke Guinea, malahan jika dilakukan dengan sempurna, negara itu boleh menjadi pembekal beras ke Asia Tenggara satu masa nanti.

"Ketika ini, Malaysia walaupun menghasilkan beras, masih terpaksa mengimport dari negara lain seperti Thailand. Dengan keluasan tanah yang semakin mengecil dan bencana alam yang sering menimpa rantau ini, anda perlu mencari benua alternatif bagi mengeluarkan makanan ruji anda.

"Antara lokasi terbaik dan masih belum diteroka ialah Afrika Barat yang mempunyai beberapa negara yang iklim dan cuacanya turut berada di garisan Khatulistiwa. Dan sekali lagi jika dilakukan dengan sempurna, negara seperti Guinea bukan saja boleh menjadi pembekal beras kepada Asia Tenggara, bahkan pembekal kepada benua Afrika sendiri," katanya merenung jauh ke hadapan isu yang mungkin dihadapi penduduk dunia satu hari nanti.

Beliau juga meminta Malaysia mengkaji semula kedudukan Guinea yang boleh menjadi pintu masuk negara ini untuk pelbagai pelaburan lain di benua Afrika. Bagaimanapun, satu perkara utama yang menghalang misi ini ialah ketiadaan pesawat udara atau pengangkutan laut secara langsung ke negara itu.

"Kerana itu saya benar-benar percaya Malaysia dan Guinea perlu mengadakan dialog dengan lebih serius. Tidak ada gunanya Guinea atau Malaysia membuka kedutaan di kedua-dua negara jika tidak ada kerjasama yang boleh dijalankan. Misi kedua-dua kedutaan ini adalah membantu ke arah kerjasama yang boleh menguntungkan kedua-dua pihak," katanya.